

07 JUN 2001

Mahathir-Doktor Kehormat

UNIVERSITI MEIJI ANUGERAH DOKTOR KEHORMAT KEPADA DR MAHATHIR

Oleh: Jamaluddin Muhammad

TOKYO, 7 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini dianugerahkan doktor kehormat oleh Universiti Meiji, di sini.

Presiden universiti itu Prof Yuichi Yamada menyampaikan anugerah itu kepada Dr Mahathir pada satu majlis di universiti itu.

Penganugerahan itu, antara lain, adalah untuk menghargai sumbangan beliau ke arah keamanan, kestabilan dan pembangunan di Asia.

Dr Mahathir ialah penerima ke-18 anugerah itu sejak Universiti Meiji ditubuhkan pada 1881.

Beliau juga adalah perdana menteri keempat diberi penghormatan sedemikian. Penerima lain ialah Takeo Miki (Jepun), Tomiichi Murayama (Jepun) dan Jean Chretien (Kanada).

Dr Mahathir, dalam ucapannya, berkata kerajaan Jepun telah memberikan banyak bantuan kepada Malaysia semasa ia memperkenalkan dasar Pandang Ke Timur walaupun Malaysia tidak meminta bantuan negara itu.

Dasar itu diperkenalkan pada pertengahan 1980an oleh Dr Mahathir, yang antara lain, bertujuan menyemai etika kerja rakyat Jepun terutamanya mengenai dedikasi dan usaha mencapai kesempurnaan di kalangan rakyat Malaysia.

Hasil daripada dasar itu, katanya, etika kerja rakyat Malaysia telah berubah dan mereka semakin yakin sekarang.

Dr Mahathir berkata semasa beliau ke Jepun buat pertama kalinya pada 1961, beliau dapat melihat bagaimana negara Matahari Terbit ini berjaya membina semula negaranya selepas mengalami peperangan.

"Saya rasa jika rakyat Malaysia mempunyai semangat yang sama, negara dapat dibangunkan juga dan sebab itu, apabila saya menjadi Perdana Menteri, saya memandang ke Timur," kata beliau.

"Jika kami tidak dapat maju seperti Jepun, sudah pasti kami dapat menjadi lebih baik daripada negara membangun yang lain," kata Dr Mahathir, yang dalam rangka lawatan kerja empat hari ke Jepun mulai hari ini.

Perdana Menteri berkata sebelum perang, Jepun terkenal dengan

produknya yang bermutu rendah dan murah serta tidak tahan lama.

"Saya masih ingat apabila Jepun mengeluarkan kereta pertamanya, majalah Time berkata bahawa Honda kini tahu bahawa adalah tidak mudah menghasilkan kereta berbanding motosikal," kata beliau.

Bagaimanapun, katanya Honda dapat mengeluarkan kereta-kereta berkualiti tinggi yang setanding dengan pengeluar kereta lain pada masa ini.

"Ini jelas menunjukkan bahawa ia boleh dilakukan. Malaysia kini mempunyai slogan Malaysia Boleh untuk menunjukkan bahawa kami juga boleh melakukan apa yang lain boleh lakukan," kata Perdana Menteri.

Malaysia, katanya, mengeluarkan kereta pertamanya pada 1985 dengan bantuan Jepun dan kini ia dapat mengeluarkan kereta daripada peringkat reka bentuk hingga ujian, yang menunjukkan rakyat Malaysia dapat melakukan apa yang mereka rasa mereka tidak boleh lakukan sebelum ini.

Dr Mahathir berkata selain menghantar pelajar Malaysia ke negara-negara Barat, Malaysia akan terus menghantar mereka ke Jepun dan berharap kerajaan dan universiti negara itu akan terus menerima mereka.

Malaysia juga berhutang dengan Jepun kerana ia adalah satu-satunya negara yang bersedia memberi pinjaman untuk membantu Malaysia semasa krisis kewangannya, kata beliau.

Perdana Menteri berkata beliau juga yakin bahawa Jepun, yang kini mengalami kemerosotan ekonomi, akan segera pulih kerana negara itu mempunyai kemahiran untuk pemulihan.

"Kami akan melihat kepada bagaimana ekonomi Jepun dipulihkan," kata beliau.

Turut hadir ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali dan Duta Malaysia ke Jepun Datuk Marzuki Mohamed Noor.

-- BERNAMA

JM NAK